

12 OCT 2000

Hishammuddin-Debat

PEMUDA UMNO MAHU DEBAT DENGAN PEMUDA PAS BERSOPAN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein mahu debatnya dengan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar berhubung masa depan Melayu berlangsung dalam suasana tenang dan bersopan.

Ini penting kerana pernah berlaku satu ketika dulu debat seumpama itu menjadi tidak terkawal sehingga matlamat ia diadakan tidak tercapai, katanya.

"Sebab itu walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyokong usaha kita mengadakan debat ini, penting bagi kita memikirkan kaedahnya," kata Hishammuddin kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri dari lawatan ke Britain dan Bosnia Herzegovina.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata pada sidang media bahawa debat itu perlu diadakan tetapi cara perbahasan itu dibuat perlu difikirkan oleh mereka yang terlibat.

Hishammuddin berkata beliau akan membuat keputusan berhubung tarikh, tempat dan topik perdebatan dalam tempoh terdekat.

Beberapa orang pemimpin Umno dan Pas sebelum ini telah meminta supaya debat itu dibatalkan dengan alasan ia tidak membawa faedah dan tidak akan menyelesaikan masalah.

Hishammuddin mengakui beliau "terkejut sedikit" dengan kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam yang tidak bersetuju debat itu diadakan kerana menganggapnya sia-sia.

Bagaimanapun, Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang yang juga Timbalan Presiden Pas, dilaporkan hari ini sebagai bersetuju supaya debat antara Pemuda Umno dan Pemuda Pas diadakan tetapi ia mestilah dalam suasana penuh persaudaraan.

Hishammuddin berkata: "Saya nak ingatkan kepada semua bahawa Mahfuz Omar yang mencabar saya untuk berdebat dan saya menerima cabaran itu dengan hati terbuka.

"Kalau sekiranya Pas nak berdolak-dalik, saya bimbang debat ini tak akan diteruskan. Bagi pihak kita dalam Pemuda dan Umno, ia tetap akan diadakan."

Debat itu akan berlangsung seboleh-bolehnya sebelum bulan puasa, katanya.

-- BERNAMA

MAM AZZ MAI